



Submission date: 07/05/2020

Accepted date: 06/8/2020

ANCAMAN IDEOLOGI KEGANASAN: FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN MASYARAKAT MALAYSIA DALAM KUMPULAN DAESH

***Ideology of Terrorism's Threat: The Factors of Malaysian Community that
Involved in DAESH***

Syafawani Mohd Hashim, Dr Wan Fariza Alyati Wan Zakaria
Universiti Kebangsaan Malaysia

syafawani970@gmail.com

Abstrak

Dawla al-Islamiya al-Iraq wa al-Sham (Daesh) adalah satu gerakan kumpulan pengganas yang baru dikenali secara meluas pada alaf ini. Ianya menjadi satu ancaman kepada generasi hari ini khususnya di negara Malaysia. Permasalahan dalam kajian ini adalah mengenai penglibatan masyarakat Malaysia dalam kumpulan pengganas ini seharusnya dipandang serius kerana ianya merupakan ancaman kepada negara. Pertambahan jumlah penglibatan dengan jumlah penangkapan adalah berbeza dan mendatangkan kebimbangan kepada negara Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini ditulis adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat di Malaysia terlibat dengan kumpulan Daesh. Faktor-faktor ini perlulah dipandang dengan lebih serius kerana sekiranya tidak diatasi, ia boleh menyebabkan keadaan negara menjadi huru-hara. Metadologi bagi kajian ini adalah kaedah kualitatif dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen. Analisis dokumen diperolehi daripada buku-buku, majalah Dabiq dan Rumiyah, artikel-artikel dan jurnal yang berkaitan dengan gerakan kumpulan Daesh ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa salah faham konsep jihad, media massa sebagai alat propaganda dan daya penarik ideologi merupakan antara faktor kepada penglibatan rakyat Malaysia dalam kumpulan Daesh. Justeru itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menangani masalah ini.

Kata Kunci: Daesh, Malaysia, ideology, punca, jihadisme.

Abstract

Dawla al-Islamiya al-Iraq wa al-Sham (Daesh) is a new terrorist movement recently known in this millennium. It is a threat for today's generation especially in Malaysia. The problem of this study is the involvement of Malaysian society in this terrorist group should be taken seriously as it is a threat to the country. The increase in the number of involvement with the number of arrests is different and brings concern to Malaysia. Therefore, the study was written to examine the factors that led the people in Malaysia to be involved with this Daesh group. These factors need to be taken seriously before the state become chaotic. The methodology of this study is a qualitative method and the data collection instrument used is document analysis. Document analysis is derived from books, Dabiq and Rumiyyah magazines, articles and journals related to the movement of the Daesh's group. The finding shows that the misconceptions of the jihad concept, mass media as a propaganda tool and ideological attraction are among the factors of involvement of Malaysians in the Daesh's group. Hence, all parties need to play their part in addressing this problem.

Keywords: Daesh, Malaysia, ideology, factor, jihadism.

PENDAHULUAN

Ancaman adalah satu istilah yang menggambarkan tentang satu serangan yang mampu mengugat kestabilan sesebuah negara. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ancaman ditakrifkan sebagai bahaya yang mengancam atau diancam daripada musuh dari luar dan dalam. Ancaman juga adalah satu istilah yang menggambarkan tentang satu serangan yang mampu mengugat kestabilan sesebuah negara. Dalam era masa kini, wujud pelbagai ancaman yang melanda masyarakat hari ini sama ada berbentuk luaran mahupun dalaman. Ancaman luaran ialah serangan yang datang daripada negara luar dan bersifat nyata. Misalnya, kekacauan yang berlaku di negara jiran adalah ancaman kepada negara Malaysia. Kesan daripada ancaman tersebut ialah kemasukan pelarian daripada negara tersebut ke Malaysia. Ancaman dalaman boleh diklasifikasikan sebagai serangan yang wujud dari dalam negara itu sendiri tanpa dipengaruhi aspek luar. Sebagai contoh, semangat perkauman yang tinggi dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu ancaman dalaman yang wujud khususnya di Malaysia. Jika keamanan dan kesefahaman antara kaum tidak mampu untuk dicapai, maka tidak mustahil peristiwa 13 Mei akan berulang kembali. Secara jelasnya, peristiwa ini dikategorikan sebagai ancaman dalaman kerana wujud daripada dalam negara itu sendiri.

Menjelang abad ke-21 ini, ancaman psikologi adalah serangan yang dilihat sebagai satu impak yang mampu mengucar kacirkan sesebuah negara. Ancaman psikologi dalam abad ini ialah kewujudan pelbagai ideologi baru yang muncul dengan pantas bagi cendawan tumbuh selepas hujan. Kebanjiran ideologi-ideologi baru ini boleh

diklasifikasikan kepada pelbagai cabang dan bahagian. Ideologi adalah salah satu istilah popular digunakan pada masa kini yang merujuk kepada serangan pemikiran. Serangan pemikiran adalah sinonim kepada perkataan ideologi dan berasal daripada negara Barat merupakan salah satu usaha yang dikenalkan oleh mereka untuk menghancurkan ketamadunan negara Islam satu ketika dahulu. Serangan pemikiran atau ideologi ini tidak dapat dilihat secara fizikal seperti menggunakan senjata untuk melakukan kekerasan, tetapi satu bentuk serangan yang datang dengan sepantas lalu dan dapat menembusi akal manusia. Antara ideologi yang dibawa oleh golongan Barat ialah Sekularisme, Pluralisme, Liberalisme, Hendonisme, Kapitalisme, dan Humanisme (Mohd Aizam, 2012).

Secara umumnya, ideologi yang dibawa oleh orang Barat telah berjaya menembusi pemikiran-pemikiran manusia di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Jika diteliti daripada susur galur sejarah, serangan pemikiran yang dibawa oleh kelompok Barat ini bukanlah satu serangan yang baru tetapi telah lama menular dalam masyarakat di Malaysia. Akan tetapi, serangan ideologi yang di bawa oleh Barat masih lagi dapat dibendung hasil daripada kepantasan kerajaan Malaysia yang cakna akan bahaya ideologi-ideologi. Walaupun begitu, ancaman ideologi bukan sahaja datang dari pihak Barat malahan daripada kelompok militan juga.

Kebelakangan ini, terdapat pelbagai ideologi yang berunsurkan Islam muncul dan mula mendapat perhatian daripada netizen terutamanya orang Islam. Ahmad Sauffiyan (2016) menyatakan bahawa ideologi-ideologi yang muncul ini lebih bersifat radikal, ekstrem dan mempunyai unsur kekerasan yang melampaui batas. Unsur kekerasan yang dinyatakan adalah melibatkan ugutan, provokasi, penderaan, penculikan, ugutan, keganasan seksual, rampasan, pengeboman, peperangan dan sebagainya yang melampaui norma kehidupan manusia. Akan tetapi, ideologi seperti ini mempunyai potensi untuk mempengaruhi masyarakat sekeliling khususnya orang Islam kerana di propagandakan dengan nama Islam khususnya masyarakat di Malaysia yang dikenali sebagai negara Islam.

Tambahan lagi, ideologi yang bersifat radikal dan ekstrem ini bukanlah satu perkara baharu bagi negara di Malaysia. Ancaman yang berunsurkan kumpulan militan ini pernah wujud dalam sejarah pembentukan negara Malaysia iaitu daripada kumpulan Pertubuhan Darul Islam (PDI) Indonesia. Sebilangan kecil ahli kumpulan Pertubuhan Darul Islam (PDI) yang melarikan diri daripada regim Suharto sekitar tahun 1985 telah menyeludup masuk ke Malaysia. Ahli kumpulan ini terus mengembangkan perjuangan Darul Islam dalam komuniti masyarakat Indonesia yang wujud di daerah Kuala Pilah, Malaysia. Selepas itu, wujud satu kumpulan baru yang dinamakan sebagai Jemaah Islamiyah (JI). Kumpulan ini telah diharamkan di Malaysia kerana menjalinkan hubungan dengan kumpulan pengganas daripada luar iaitu Al-Qaeda dan

Abu Sayyaf (Nurfarahin Hussin, Nazwin Nazri, 2017). Pada waktu yang sama, kawasan Asia Tenggara termasuklah Malaysia dikejutkan pula dengan kemunculan kumpulan Al-Qaeda dan sekutunya yang dikenali sebagai kumpulan pengganas dan telah dilabelkan sebagai teroris oleh pihak Barat kerana terlibat dengan serangan 11 September 2001. Serangan yang dilakukan oleh kumpulan ini telah menyebabkan ramai orang awam terkorban. Kesan daripada peristiwa tersebut menyebabkan orang Islam telah dilabelkan sebagai pengganas.

Kesimpulannya, ideologi yang berunsurkan radikal ini bukan hanya sekadar satu serangan teori tetapi ideologi yang bersifatkan kekerasan ini mampu membangkitkan masyarakat sekeliling yang terpengaruh dengan agenda yang dibawa oleh kumpulan militan untuk bertindak melakukan perkara yang tidak sepatutnya seperti pengeboman berani mati, perang dan sebagainya. Pembentukkan kumpulan yang berkongsi satu ideologi dan matlamat yang sama mampu menggoyahkan sistem keselamatan dan pentadbiran negara.

SEJARAH KEMUNCULAN DAESH

Pada akhir 21 ini, masyarakat dunia dikejutkan dengan satu kumpulan yang bersifat radikal dan ekstremis dikenali sebagai Daesh. Kumpulan ini dikenali dengan nama ISIS iaitu *Islamic State of Iraq and Syria* semakin dikenali seantero dunia lebih-lebih lagi di media sosial. Nama lain bagi kumpulan radikal ini ialah ISIL, IS, dan DAESH. Sejarah tertubuhnya Daesh ini bukanlah hanya sekadar 2 atau tiga tahun sebaliknya mengambil masa lebih daripada 10 tahun. Menurut Muhammad Fajrus Shodiq (2016), sejarah tertubuhnya kumpulan Daesh ini ialah daripada satu kumpulan radikal yang dikenali sebagai *Ja'maat Tauhid wa al-Jihad*. Kumpulan ini telah wujud sejak tahun 1999 berasal daripada Yordania ini dipelopori oleh Abu Mus'ab Az-Zarqawi sebagai pemimpin utama kumpulan ini. Menurut Maszlee Malik, pada mulanya kumpulan yang dipimpin oleh Abu Mus'ab ini tiada kaitan dengan kumpulan mujahidin al-Qaeda (Maszlee Malik, 2016). Kumpulan ini mengisyiharkan penggabungan mereka dengan kumpulan al-Qaeda di Afghanistan pada tahun 2004 di bawah nama Tanzem al-Qaeda fi Bilad Ar-Rafidayn dan mengikat janji kesetiaan dengan Usama bin Laden (Peter Mandeville, 2014).

Kepimpinan Daesh ini telah dipimpin oleh Abu Hamza selepas Abu Mus'ab Az-Zarqawi dibunuh oleh tentera Amerika pada tahun 2006. Pada tahun 2006, pucuk kepimpinan kumpulan Daesh ini diambil alih oleh Abu Hamza al-Muhajir yang berasal dari Mesir. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab memimpin kumpulan Daesh dan menubuhkan negara Islam yang dinamakan sebagai “*Dawlah Islamiyah fi Al-Iraq*” ataupun lebih dikenali sebagai Islamic State of Iraq (ISI). Walaubagaimanapun, kepimpinan beliau tidak lama apabila digantikan oleh Abu Omar al-Baghdadi bagi menarik lebih ramai rakyat Iraq untuk menyertai kumpulan

militan ini. Hal ini kerana pada ketika itu, golongan rakyat Iraq adalah kelompok minoriti dalam kumpulan Daesh tersebut (Fawaz A.Gerges, 2014).

Kumpulan Daesh terus melebarkan pengaruhnya ke seluruh dunia dengan menggunakan media massa. Kumpulan ini juga berjaya menyebarkan ideologi mereka ke negara-negara yang berada di Asia Tenggara seperti di Indonesia, Malaysia dan Filipina. Kemunculan kumpulan Daesh di Indonesia dikesan pada bulan Ogos 2014 melalui media massa. Kemunculan kumpulan Daesh di Malaysia juga adalah pada waktu yang hampir sama iaitu pada tahun 2014. Hasil daripada penelitian yang dijalankan oleh penyelidik, metodologi penyebaran yang digunakan oleh kumpulan ini ialah menggunakan media massa (Devi Aryani, 2015). Kumpulan Daesh yang bernaung di Indonesia dan Malaysia ini dikenali dengan nama *Khatibah Nusantara* dan juga ISMIP (Islamic State of Malaysia, Indonesia and Philippines).

PENGLIBATAN RAKYAT MALAYSIA DALAM DAESH

Peperangan ideologi semakin menular dari masa ke semasa khususnya di Malaysia. Secara spesifiknya, antara ideologi yang berjaya mempengaruhi masyarakat di Malaysia khususnya orang Islam adalah ideologi yang dibawa oleh kumpulan militan Daesh. Ideologi yang dibawa oleh kumpulan ini sangat mudah mempengaruhi masyarakat hari ini kerana ia menggunakan media sosial sebagai medium utama. Kebelakangan ini, kerajaan Malaysia kerap kali melakukan seminar dan juga pendedahan secara terbuka tentang kumpulan Daesh ini. Hal ini kerana terdapat sekumpulan kecil rakyat Malaysia yang telah terlibat dalam menyertai kumpulan ini. Bernama (2016) melaporkan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memantau 1,000 akaun facebook yang membabitkan kumpulan pengganas yang aktif menyebarkan ideologi mereka dan merekrut anggota baru (Muhammad Amirul Izwan, 2017).

Menurut Mohd Mizan Aslam, data terkini oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan peningkatan penglibatan rakyat Malaysia semakin meningkat dari hari ke hari (Mohd Mizan Aslam, 2017). Kebanyakkan data yang dikutip sehingga hari ini adalah data yang merangkumi penglibatan dan penangkapan. Beliau menyatakan lagi bahawa data terkini Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan rakyat Malaysia dalam kumpulan Daesh sebanyak 200 peratus. Berikut adalah data statistik tangkapan elemen Daesh di bawah SOSMA bagi tahun 2014 hingga September 2019 yang direkodkan berdasarkan tahun:

Jadual 1: Statistik tangkapan elemen Daesh di bawah SOSMA bagi tahun 2014 hingga September 2019

TAHUN	JUMLAH TANGKA PAN	JANTINA		UMUR (TAHUN)			
		LELAKI	PEREMPUAN	<20	20-35	36-60	>60
2014	59	45	14	7	41	11	0
2015	82	74	8	11	53	18	0
2016	119	109	10	3	87	29	0
2017	106	101	5	8	62	34	2
2018	82	76	6	2	42	37	1
2019 (SEP)	53	51	2	3	31	16	3
JUMLAH KESELURUHAN	501	456	45	34	316	145	6

Walaubagaimanapun, kadar penglibatan dengan jumlah tangkapan yang dibuat tidak menunjukkan peratusan yang sama. Hal ini kerana ramai rakyat Malaysia yang terlibat masih lagi belum dapat ditangkap oleh pihak kerajaan. Pada dasarnya, Malaysia bukanlah sebuah negara yang berlatar belakangkan sistem monarki, militer mahupun republik. Negara Malaysia mengamalkan demokrasi sebagai asas kepada pemerintahan negara yang mana kedaulatannya sebagai negara Islam masih terpelihara.

Kedaulatan dan keamanan yang wujud di dalam Malaysia menjadi contoh kepada negara Islam yang lain sebagai model untuk kerajaan lain. Walaupun begitu, keamanan dan kedaulatan negara Islam mula dipandang enteng apabila virus *Islamophobia* dan *Terrorism* merebak dengan cepat dalam masyarakat awam khususnya di negara-negara Islam. Malaysia yang dikenali sebagai sebuah negara Islam turut terkena tempias ideologi *Islamophobia* dan teroris apabila segelintir daripada rakyat Malaysia menyertai kumpulan Daesh ini walaupun sudah difatwakan sebagai perbuatan yang sia-sia. Keputusan fatwa tersebut telah dikeluarkan oleh pihak Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bermesyuarat pada 21-22 Oktober 2014. Perbuatan rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan Daesh ini dikategorikan sebagai kumpulan yang sia-sia dan tidak akan mendapat mati syahid kerana bercanggahan dengan hukum syarak Islam. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlulah cakna dan menjauhkan diri daripada terlibat dengan kumpulan Daesh.

Secara amnya, penglibatan rakyat Malaysia dalam kumpulan Daesh didorong oleh pelbagai faktor. Faktor yang mendorong penglibatan rakyat Malaysia ini boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor dalaman

yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah faktor yang ada dalam diri individu yang terlibat dalam kumpulan Daesh ini. Misalnya, jika seseorang individu tersebut tidak memahami tentang konsep jihad menurut syariat Islam yang sebenar, beliau akan lebih mudah terpengaruh dengan propaganda yang dibawa oleh kumpulan Daesh.

Seterusnya, faktor luaran ditakrifkan sebagai faktor yang datang daripada luar seperti faktor persekitaran, ideologi, didikan keluarga dan juga media massa yang mempengaruhi individu tersebut untuk terjebak dengan kumpulan Daesh. Misalnya, media massa digunakan oleh golongan perekut sebagai cara untuk menyebarkan ideologi yang pakar dalam merekrut seseorang individu. Ahmad Suffiyan menyatakan bahawa kumpulan Daesh ini menggunakan aplikasi Youtube sebagai medium utama dalam menyebarkan propaganda mereka untuk menarik lebih ramai rakyat luar untuk berjuang bersama mereka (Ahmad Suffiyan). Walaupun banyak faktor yang membawa kepada penglibatan rakyat Malaysia dengan kumpulan Daesh, kajian ini memfokuskan kepada tiga sahaja faktor sahaja. Faktor pertama ialah salah faham terhadap konsep jihad yang dikategorikan sebagai faktor dalaman manakala faktor kedua berkenaan media massa dan ketiga mengenai ideologi adalah faktor luaran yang akan dibincangkan pada subtopik seterusnya.

Salah Faham Terhadap Konsep Jihad

Terdapat pelbagai punca yang menyumbang kepada penglibatan rakyat Malaysia dalam kumpulan Daesh. Antara punca utama yang menyumbang kepada isu ini adalah mengenai kefahaman konsep jihad dalam kalangan orang awam. Jihad daripada sudut bahasa adalah masdar kepada *jahada* yang berasal daripada perkataan *jahada*, *yajhadu* dan *jahdan* membawa maksud bersungguh-sungguh. Jihad juga membawa erti bersungguh-sungguh dalam menentang musuh. Kitab Fekah Fiqh al-Manhaji menyatakan maksud jihad ialah berusaha gigih dalam mencapai satu matlamat. Oleh yang demikian, maksud jihad ini boleh diterjemahkan kepada berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai satu matlamat (Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, Ali Asy-Syarbaji, 2017). Jika diteliti daripada kalimah jihad mahupun maksudnya, tiada nilai dan unsur-unsur yang bermatlamatkan kepada perperangan dan keganasan. Walaubagaimanapun, perkataan jihad mutakhir ini menjadi satu isu yang amat berat bagi orang Islam sama ada di Asia Tenggara mahupun di Timur Tengah. Hal ini disebabkan oleh isu jihad yang dibawa oleh kumpulan Daesh semakin popular dan dikenali oleh setiap lapisan masyarakat sama ada di Malaysia atau negara luar.

Secara umumnya, konsep jihad adalah satu konsep yang perlu difahami oleh setiap orang Islam khususnya di Malaysia. Hal ini kerana kefahaman yang kurang mengenai konsep jihad akan menyebabkan orang Islam di Malaysia mudah terjerumus dan terlibat dengan kumpulan Daesh. Sementelah itu, punca utama yang menyumbang kepada penglibatan orang awam di Malaysia dengan kumpulan Daesh adalah

kekeliruan dan kefahaman yang kurang mengenai konsep jihad. Muzakarah fatwa kebangsaan yang bersidang pada 21 hingga 22 Oktober 2014 berpendapat bahawa kegharaihan dan kecenderungan umat Islam yang berjihad atas nama Daesh/ ISIS adalah disebabkan kekeliruan dan kefahaman yang kurang mengenai hakikat jihad yang sebenar dan mengikut hukum syarak Islam. Kebanyakan umat Islam pada hari ini lebih mudah menerima sesuatu perkara dan beramal dengannya tanpa mengkaji akan kebenaran dan kesahihan fakta yang diterima. Contoh yang paling mudah dilihat adalah mengenai penglibatan orang Islam di Malaysia semakin meningkat dari masa ke semasa walaupun pihak muzakarah fatwa kebangsaan telah mengeluarkan hukum pada tahun 2014.

Mutakhir ini, kefahaman dan kekeliruan orang Islam di Malaysia adalah tidak berubah malahan semakin bertambah. Hal ini dapat dibuktikan apabila kadar pertambahan penglibatan orang awam di Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun. Berita mengenai penangkapan dan juga laporan kematian rakyat Malaysia yang terlibat dengan kumpulan Daesh sering dilaporkan dalam akhbar harian. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kadar kefahaman dan kekeliruan orang Islam masih berada di tahap yang membimbangkan dan amat berbahaya. Jika diteliti secara terperinci, konsep jihad yang dibawa oleh kumpulan Daesh ini bukanlah konsep yang mengikut hukum syarak yang benar seperti mana yang digariskan dalam Islam, malah melanggar norma kehidupan seorang manusia. Perbezaan antara jihad menurut Islam dan jihad menurut Daesh diringkaskan dalam jadual dibawah:

Jadual 2: Perbezaan konsep jihad Islam dan Daesh

Tambahan lagi, konsep jihad yang digunakan oleh kumpulan Daesh ini sangat mengelirukan apabila menjadikan kaum wanita sebagai hamba seks yang boleh

KONSEP JIHAD MENURUT ISLAM	KONSEP JIHAD MENURUT DAESH
Hukum jihad dalam Islam adalah fardhu kifayah.	Hukum jihad menurut Daesh adalah fardhu ain dan wajib ke atas semua.
Jihad menurut Islam lebih komprehensif iaitu jihad nafsu, jihad kearah amal-makruf dan nahi mungkar dan jihad peperangan.	Jihad menurut Daesh adalah jihad takfiri /jihad qital.
Umat Islam dibenarkan berjihad jika diancam oleh pihak musuh dan bertujuan untuk membela diri sahaja.	Wajib berjihad dengan membunuh sesiapa sahaja yang tidak mengikut ajaran mereka.
Jihad dalam Islam sangat menjaga kehormatan wanita dan kanak-kanak, tempat ibadat agama lain dan juga tumbuh-tumbuhan.	Wanita dan kanak-kanak dibunuh sesuka hati, dijadikan tawanan perang dan sebagai hamba seks dan tempat ibadah dimusnahkan oleh pihak Daesh.

ditukar ganti. Bagi pihak Daesh, jihad ini ditakrifkan sebagai ‘jihad nikah’ bagi golongan wanita yang berhijrah ke sana. Kebanyakan kaum wanita yang bukan beragama Islam seperti puak Yazidi dan Kristian telah ditawan oleh tentera Daesh ini dan dijadikan hamba keganasan nafsu mereka. Menurut Sasha Havlicek, jumlah wanita yang dijadikan hamba seks semakin meningkat dari masa ke semasa dan kebanyakannya kaum wanita yang dijadikan mangsa keganasan seksual ini adalah mereka yang ditawan. Beliau juga menyatakan bahawa kaum wanita yang wujud dalam Daesh ini terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama, adalah kaum wanita yang ditawan dan dipaksa untuk menjadi hamba seks. Manakala kelompok kedua adalah kumpulan wanita yang datang daripada luar negara Syria secara sukarela seperti Indonesia dan juga Amerika Syarikat. Kelompok wanita yang kedua ini adalah mereka yang sukarela menawarkan diri hasil daripada propaganda yang disiarkan oleh pihak Daesh di media sosial. Kelompok wanita ini ditugaskan untuk menjadi isteri kepada pejuang Daesh, mendidik kanak-kanak yang ditawan dengan konsep jihad yang dipelopori oleh mereka dan bertindak sebagai perawat kepada pejuang ketika peperangan (Shasha Havlicek, 2015).

Selain itu, kumpulan Daesh ini mempelopori jihad yang keras dan lebih dikenali sebagai jihad keganasan atau disebut sebagai jihad *qital*. Kumpulan Daesh ini menggunakan konsep jihad *qital* ini dalam perjuangan mereka. Jika dilihat dengan teliti, konsep jihad yang digunakan oleh kelompok ini bercanggahan dengan ajaran Islam. Ajaran Islam hanya membenarkan peperangan apabila negara dalam keadaan terancam dan diancam. Akan tetapi, jika permasalahan itu boleh diselesaikan dengan cara yang lebih berhikmah, maka itu adalah jalan penyelesaian yang lebih baik. Sementelah itu, umat Islam hanya akan berperang jika pihak musuh yang memulakan serangan dahulu. Hal ini amat bertentangan dengan konsep jihad yang difahami dan didoktrinkan oleh kumpulan Daesh ini yang mana memilih untuk membunuh individu yang tidak mengikuti ajaran mereka.

Jihad ‘*qital*’ atau jihad peperangan adalah satu-satunya jalan untuk menegakkan sebuah khilafah Islamiyyah. Justeru jihad memerlukan hijrah dan wajib memerangi serta membunuh kafir *harbi* dan umat Islam yang telah murtad iaitu mereka yang tidak menyertai gerakan. Gerakan politik selain daripada gagasan Islam adalah tidak sah, *hukumiyyah* (pemerintahan) adalah hak Allah maka pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Islam wajib dibunuh (Wan Fariza Alyati, 2017). Oleh yang demikian, konsep jihad tersebut haruslah difahami bahawa jihad itu bukanlah hanya sekadar bermaksud mengangkat senjata dan pergi berperang. Hakikatnya, konsep jihad itu mempunyai perspektif dan sudut pandang yang luas. Imam Al-Ghazali menyatakan jihad yang berunsurkan keganasan itu bukanlah satu perbuatan yang adil, sebaliknya dikategorikan sebagai satu perbuatan yang melampaui batas manusia (Al-Ghazali, 1964).

Media Massa Sebagai Alat Propaganda

Media massa merupakan satu alat yang memainkan peranan penting dalam menghubungkan manusia daripada pelbagai negara. Kemodenan dan kecanggihan media masa pada hari ini dapat dilihat secara jelas apabila isu-isu penting daripada serata dunia dapat diketahui dengan pantas. Menurut Susanto, media massa adalah satu alat untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Media massa yang popular dan digunakan pada hari ini adalah aplikasi seperti Whatssup, Twitter, Telegram, You Tube dan sebagainya. Aplikasi seperti ini yang menjadi penghubung kepada manusia dari serata dunia (Susanto, 1982). Secara jelasnya, media massa banyak memberi manfaat dan kemudahan kepada manusia jika digunakan dengan cara yang betul.

Walau bagaimanapun, kemudahan media massa ini telah disalah gunakan oleh sebilangan manusia apabila menjadikan alat perhubungan ini sebagai satu wadah untuk menyebarkan tentang maklumat yang tidak memberi faedah kepada masyarakat. Lebih menyedihkan lagi, media massa turut digunakan untuk menyebarkan ideologi yang bertentangan dengan arus kehidupan normal manusia. Misalnya, You Tube adalah salah satu alat perhubungan yang menyebarkan video-video terkini seperti yang dilakukan oleh kumpulan Daesh dalam menyebarkan ideologi mereka. Secara tidak lansung, media massa merupakan salah satu punca yang menyebabkan masyarakat pada hari ini terlibat dengan kumpulan Daesh khususnya di Malaysia. Menurut Ahmad Saufiyyan, Daesh menyebarkan ideologi dan pengaruh mereka menggunakan video-video yang telah dirakam dan disebarluaskan melalui You Tube dan juga Facebook (Ahmad Saufiyyan, 2016).

Terdapat video yang dimuat naik oleh kumpulan Daesh di laman Youtube adalah dalam bahasa Melayu. Hal ini bertujuan untuk menarik lagi lebih ramai individu di Asia Tenggara khususnya orang Malaysia dan Indonesia untuk menyertai perjuangan kumpulan mereka. Ahmad Saufiyyan menyatakan bahawa video dalam Bahasa Melayu adalah untuk pasaran di Asia Tenggara. Menurutnya lagi, video pertama dalam Bahasa Melayu adalah pada 25 Januari 2015 dan video kedua bertarikh 23 Jun 2015. Melalui video tersebut, segelintir rakyat Malaysia telah melibatkan diri mereka dengan kumpulan Daesh ini kerana merasakan bahawa perjuangan yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah benar. Jelas di sini bahawa media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan ideologi kumpulan ini (Ahmad Saufiyyan, 2016).

Hasilnya, objektif kumpulan ini telah berjaya daripada kedua-dua sudut. Objektif yang paling utama adalah untuk mempengaruhi individu lain untuk menyertai kumpulan mereka. Media massa adalah saluran yang penting bagi kumpulan Daesh kerana murah, bersifat mesra pengguna dan bertaraf global. Kemudahan yang wujud dalam

aplikasi media massa menyebabkan kumpulan Daesh menggunakan sebagai satu platform untuk berhubung dengan ramai manusia daripada dunia luar. Penggunaan media massa oleh kumpulan Daesh ini adalah untuk menyebarkan ideologi dan kefahaman mereka kepada orang ramai terutamanya golongan muda (Weiiman, 2016). Jika dilihat secara teliti, modus operandi yang digunakan oleh Daesh ini agak berbeza dengan kumpulan pengganas yang lain. Hal ini kerana kumpulan ini lebih mahir dalam menggunakan teknologi yang wujud pada hari ini berbanding kumpulan pengganas yang lain.

Selain itu, kumpulan Daesh juga menggunakan media massa untuk merekrut individu luar bagi menyertai perjuangan mereka. Malaysia juga merupakan di antara negara yang menjadi sasaran bagi kumpulan ini. Hal ini kerana rakyat di negara Malaysia majoritinya beragama Islam. Secara jelasnya, kumpulan Daesh ini berjaya dalam menyebarkan ideologi mereka kepada rakyat Malaysia kerana terdapat sebilangan kecil rakyat Malaysia yang berhijrah ke Syria untuk pergi berjuang bersama mereka. Propaganda yang disebarluaskan melalui media massa telah berjaya mengeksploitasi rakyat Malaysia untuk terlibat sama dengan kumpulan pengganas ini. Menurut Mohd Mizan Aslam (2019), hampir semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada internet. Peratusan untuk rakyat Malaysia mengakses kedalam laman-laman yang mempromosikan jihad dan keganasan adalah tinggi (Mohd Mizan Aslam, 2019). Tambahan lagi, kemudahan aplikasi Telegram, Facebook, We Chat dan lain-lain memudahkan rakyat Malaysia untuk menyertai kumpulan-kumpulan tersebut.

Memetik kata-kata daripada Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussien dalam laporan berita dari mstar.com.my (2016) menyatakan bahawa Daesh adalah satu kumpulan gerakan militan yang berbahaya dan menjadi ancaman kepada Malaysia kerana merekrut ahli-ahlinya menggunakan media massa sahaja. Proses rekrut ahli baru juga menjadi lebih mudah dan pantas. Seperti yang sedia maklum, kebanyakkan masyarakat pada hari ini lebih terdedah kepada media massa. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa media massa merupakan salah satu cara yang efektif untuk kumpulan Daesh merekrut ahli baru.

Daya Penarik Ideologi

Ideologi berasal daripada perkataan '*ideo*' dan '*logi*'. Kata '*ideo*' adalah daripada perkataan idea dalam bahasa Latin yang membawa maksud pengertian ataupun gagasan. Ideologi dalam Kamus Dewan Edisi Ke-empat (2007) bermaksud fahaman (ajaran) yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan. Ideologi atau fahaman adalah dasar kepada sesbuah kumpulan atau negara (Noresah Baharom, 2007). Secara jelasnya, ideologi bukannya terdiri daripada satu sahaja untuk sesbuah kumpulan atau negara tetapi lebih. Ideologi yang menjadi asas dalam membina sebuah

tamadun. Sebagai contoh, ideologi sekular adalah satu dasar yang dibawa dan diperkenalkan oleh negara Barat.

Dunia hari ini terdiri daripada pelbagai jenis ideologi sama ada ianya bercirikan ideologi yang baik maupun buruk. Terdapat juga fahaman atau ideologi yang membawa kerosakan kepada masyarakat awam khususnya di Malaysia. Antara ideologi yang tersebar di Malaysia adalah Sekularisme, Pluralisme, Liberalisme, Konservatisme dan sebagainya. Mutakhir ini, negara Malaysia telah dikejutkan dengan kepelbagaian ideologi yang wujud dan berkembang di Malaysia. Hal ini kerana ideologi yang dibawa oleh Daesh dikatakan bahawa mereka berjuang di jalan Allah. Fahaman seperti ini telah meracuni pemikiran rakyat Malaysia untuk turut sama terlibat dengan mereka. Jika diteliti, bagaimakah kepelbagaian ideologi ini mampu menyebabkan rakyat Malaysia terlibat dengan kumpulan Daesh?

Setiap individu mempunyai fahaman yang berbeza-beza sama ada dari cara berfikir, memberi pandangan dan juga tindakan. Perbezaan ini wujud hasil daripada doktrin ideologi yang melanda dunia hari ini. Ada individu yang lebih terbuka dalam membincangkan isu-isu yang berunsurkan keagamaan. Ada juga individu yang bersifat konservatif dalam membincangkan isu-isu keagamaan. Secara amnya, ideologi ini membentuk identiti seseorang sama ada bersifat terbuka maupun konservatif. Akan tetapi, ideologi yang dibawa oleh kumpulan Daesh ini lebih mudah diterima disebabkan ciri-cirinya yang ingin berjuang di jalan Allah. Oleh yang demikian, terdapat segelintir rakyat di Malaysia menerima ideologi yang di bawa oleh golongan Daesh ini (Bardia Rahmani, Andrea Tanco, 2016).

Ideologi yang dibawa oleh Daesh ini dikatakan adalah untuk membina sebuah negara Islam dinamakan sebagai *Khilafah Islamiah* yang akan dipimpin oleh *Khalifah*. Ideologi seperti ini mudah diterima kerana ianya difahami bahawa orang Islam yang akan memimpin dunia pada masa akan datang. Ideologi atau fahaman ini dipilih adalah disebabkan banyak cirinya menyamai agama Islam. Negara *Khilafah Islamiah* yang diperkenalkan oleh kumpulan Daesh ini adalah negara yang akan ditadbir oleh seorang Imam/ ketua yang mana semua rakyat akan berbai'ah untuk taat kepadanya. Secara khususnya, masyarakat di Malaysia yang majoritinya beragama Islam agak sukar untuk menerima ideologi yang datang daripada negara Barat seperti fahaman yang berunsurkan liberalisme, sekularisme dan sebagainya. Justeru itu, ideologi yang dibawa oleh kumpulan Daesh ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia.

Tambahan lagi, kumpulan Daesh ini juga berjaya mengetengahkan ideologi yang berunsurkan *jihad qital* ataupun lebih dikenali sebagai *jihad takfiri*. Jihad takfiri ini ialah menghukum kafir akan pihak yang tidak mahu mengikut ajaran dan perjuangan

mereka. Menurut Daesh, muslim yang melakukan bai'ah terhadap mereka akan terselamat, manakala sesiapa yang menentang akan diisyithar murtad dan layak dibunuh. Mereka menolak jihad secara berdakwah dengan berhikmah, sebaliknya dakwah yang sebenar ialah berperang. Kumpulan Daesh ini juga menggunakan ayat 5 surah Taubat bagi mengukuhkan penyataan mereka. Hal ini dibuktikan melalui petikan daripada majalah Dabiq isu 15:27 :

“But if you are unable to do so, then know that you have been blessed with the opportunity to serve a much greater purpose than dwelling among Muslims and waging jihad on the outer edges of the land of Islam. Indeed, you are behind enemy lines, able to strike them where it hurts them most. Beware of falling into false excuses that hold you back from your true purpose and greatest obligation after becoming a Muslim. Do not be taken in by claims that the “real jihad” is giving da’wah – rather, the real da’wah is waging jihad! Most of the world is very aware of Islam’s existence and even its tenets, and the time for showing them that actions speak louder than words is ever so present. The blood of the disbelievers is obligatory to spill by default. The command is clear. Kill the disbelievers, as Allah c said, “Then kill the polytheists wherever you find them” (At-Tawbah 5)”

Selain daripada ideologi *takfiri*, ideologi yang bertemakan “hijrah” berjaya dimanipulasi oleh kumpulan Daesh ini sehingga melibatkan sekumpulan kecil rakyat daripada pelbagai negara berhijrah ke Syria. Bagi Daesh, tanah Syria bukan hanya untuk orang Syria sahaja malahan untuk semua orang Islam dari seluruh dunia. Oleh yang demikian, orang Muslim daripada seluruh negara diseru untuk berhijrah ke Syria. Hal ini dibuktikan dalam majalah Dabiq 1: 11.

“Amirul-Mu’mimin said: “Therefore, rush O Muslims to your state. Yes, it is your state. Rush, because Syria is not for the Syrians, and Iraq is not for the Iraqis. The earth is Allah’s. {Indeed, the earth belongs to Allah. He causes to inherit it whom He wills of His servants. And the [best] outcome is for the righteous}[Al-A’raf:128]. The State is a state for all Muslims. The land is for the Muslims, all the Muslims. O Muslims everywhere, whoever is capable of performing hijrah(emigration) to the Islamic State, then let him do so, because hijrah to the land of Islam is obligatory.”

Ideologi ini juga berjaya menyelinap masuk ke dalam fikiran rakyat Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan dengan lebih jelas kerana kebanyakkan rakyat Malaysia yang pergi berjuang di sana menggunakan alasan untuk berjihad di jalan Allah. Menurut Safeek Affendy Razali dan Faris Fuad (2018) dalam Berita Harian Online yang bertarikh 25.10.2018, pengakuan daripada seorang wanita rakyat Malaysia yang bernama Aisyah menyatakan bahawa suaminya telah mengajaknya untuk pergi berjihad di Syria selepas berhubung dengan kenalannya yang berada di Syria. Antara kenyataan Aisyah dalam temubual sidang media khas bersama Ketua Polis Negara :

“Saya tidak pernah bertemu dengan Wanndy tapi saya percaya suami direkrut dan dipengaruhi olehnya untuk menyertai Daesh dan berjuang atas nama Islam, di Syria.”

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa ideologi *jihad qital* telah berjaya memanipulasikan pemikiran rakyat Malaysia sehingga berjaya menjadi punca utama untuk mereka berjihad di Syria. Perjuangan dan jihad di jalan Allah adalah satu analogi yang diguna pakai untuk menghalalkan pembunuhan dan perperangan ke atas orang lain di bawah nama Islam. Hal ini menyebabkan nama Islam semakin tercemar walhal agama Islam adalah agama yang penuh keamanan dan kesejahteraan. Rentetan daripada ideologi *jihad qital* yang dibawa oleh kumpulan Daesh ini telah menyemarakkan lagi unsur *Islamofobia* dalam kalangan orang bukan Islam.

KESIMPULAN

Kumpulan militan Daesh merupakan ancaman terbaru yang melanda dunia hari ini khususnya di Malaysia. Hal ini kerana kumpulan ini berjaya mempengaruhi segelintir rakyat Malaysia melalui propaganda yang berunsurkan jihad di jalan Allah untuk berjuang bersama dengan mereka. Konsep jihad yang dibawa oleh kumpulan Daesh ini berjaya menarik perhatian ramai manusia di seluruh dunia termasuklah sebilangan kecil rakyat Malaysia kerana berjuang untuk menegakkan agama Islam. Ramai individu yang telah terpedaya dengan konsep jihad yang dibawa oleh mereka yang hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang ke arah penglibatan orang awam dengan kumpulan militan Daesh ini.

Antara faktornya ialah kurang kefahaman mengenai konsep jihad yang dibawa oleh agama Islam. Pada dasarnya, agama Islam adalah agama yang mencintai keamanan. Mana mungkin agama yang menyintai keamanan mengancam agama lain dan bertindak di luar normal kehidupan manusia seperti mana yang dilakukan oleh kumpulan Daesh. Mereka menyatakan bahawa perjuangan yang dilakukan oleh mereka ini adalah berjuang di jalan Allah sedangkan banyak kerosakan yang dilakukan oleh mereka. Bahkan, ramai manusia yang tidak berdosa turut sama terkorban dalam perjuangan tersebut.

Tambahan lagi, propaganda dan ideologi yang dibawa oleh kumpulan Daesh yang menggunakan media sosial adalah salah satu punca penglibatan rakyat Malaysia dengan kumpulan militan ini. Media massa sebagai medium penyebaran adalah salah satu cara yang effisyen kerana mampu menyebarkan maklumat dengan pantas dan mudah sehingga mencetuskan huru-hara di pelosok dunia. Bersesuaian dengan dunia hari ini, semua maklumat diperolehi dengan mudah dan cepat menyumbang kepada penglibatan individu daripada pelbagai negara dan berbeza latar belakang.

Selain daripada itu, kepelbagaian ideologi yang wujud pada hari ini menjadi salah satu punca kepada penglibatan masyarakat dalam kumpulan Daesh ini khususnya di Malaysia. Hal ini kerana, ideologi-ideologi yang menular dalam kalangan masyarakat hari ini menyebabkan manusia ingin menunjukkan bahawa ideologi yang dibawa oleh kumpulan mereka adalah benar. Oleh yang demikian, pelbagai cara telah dilakukan untuk menyebarkan ideologi dan kefahaman masing-masing sama ada melalui media massa mahupun media cetak.

Kesimpulannya, penglibatan rakyat Malaysia dalam kumpulan Daesh ini adalah disebabkan oleh beberapa punca sama ada punca luaran mahupun dalaman. Punca-punca ini perlulah dipandang secara serius agar dapat ditangani dengan secepat yang mungkin. Pelbagai cara boleh dilakukan demi untuk menyelamatkan orang awam daripada terlibat dengan kumpulan Daesh ini. Semua pihak bertanggungjawab dalam membendung ancaman ini demi kesejahteraan negara Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Sauffiyan. (2016). Daesh: Kebangkitan dan pengaruh media sosial. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 381-404.
- Al-Ghazali. (1964). *Mizan al-'amal*. Sunt. Sulayman Dunya. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Astrid Susanto. (1982). *Komunikasi massa I*. Bandung: Bina Cipta.
- Ayob Khan Mydin Pitchay. (2016). Jangan tertipu kandungan Dabiq. Kuala Lumpur. Sinar Online (11 Ogos 2016).
- Bardia Rahmani, Andrea Tanco. (2016). ISIS‘ growing caliphate: Profiles of affiliates. Washington: Wilson Center.
- Devi Aryani. (2015). *Fenomena radikalisme gerakan Isis di Indonesia*. Indonesia: Universiti Muhammadiyah Surakarta.
- Esposito, John L. (2004). *Ancaman Islam: Mitos atau realiti*. Nor Azita Omar (terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Fawaz A.Gerges. (2014). ISIS and the third wave of jihadism. *Current History: Jurnal of Contemporary World Affairs*, 113(767), 339.
- Hassan Ayub. (2005). *Fiqh jihad menurut Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

- JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). (T.th.). Jihad dalam konteks kontemporari di Asia Tenggara. Kertas kerja Mesyuarat Pegawai-pegaai Kanan (SOM) kali ke-28.
- Kamal, Muhammad. (2008). The meaning of terrorism: A philosophical inquiry. National Centre of Excellence for Islamic Studies. NCEIS Research Paper.
- Fazrik Kamaruddin. (2018). 7 Individu terbabit kumpulan penganas ditahan. Berita Harian Online. (20 November 2019). <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/12/507500/7-individu-terbabit-kumpulan-penganas-ditahan-fuzi>.
- Katherine Brown. (2014). Analysis: Why are Western women joining Islamic State? London. King College. Retrieved 16 Ogos 2017. <http://www.bbc.com/news/uk-29507410>.
- Maszlee Malik. (2016). *ISIS*. Selangor: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Aizam bin Mas'od. (2012). Serangan ideologi Barat terhadap pemikiran umat Islam dan implikasinya kepada iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25,100-117.
- Mohd Mizan Aslam. (2017). Peningkatan Daesh membimbangkan. Muat turun 7 Julai 2017. http://www.utusan.com.my/rencana/utama/peningkatan-Daesh-membimbangkan-1.456736#ixzz4phE81okQ_
- Mohd Mizan Aslam. (2019). Terrorisme atas Nama Agama. Muat turun 7 March 2019. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/terrorisme-atas-nama-agama-195398>.
- Muat turun 19 April 2017.<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bagaimana-mengelak-jerat-teroris-197822>.
- Muhammad Fajrus Shodiq. (2016). *Kepentingan ekonomi politik Islamic State of Irak and Syria (ISIS) dalam menyerang Baiji, Irak pada tahun 2014-2015* (Tesis Sarjana). Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universiti Muhammadiyah Yogyakarta.
- Mukhlis Asy-Syarkani Al-Falahi. (2016). *Jihad bukan sekadar perang*. Selangor: Group Buku Karangkraf.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- PDRM (Polis Diraja Malaysia). (2019). Statistik tangkapan elemen Daesh. Portal Data Terbuka Malaysia. Muat Turun 8 November 2019. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/76afe8f5-befb-4f11-bafbfea663caccfb/resource/74a08629-654e-4927-b8a4-6c734ea1019f/download/2.-statistik-tangkapan-elemen-daesh-dibawah-pota-2014---2017.xlsx
- Rohan Gunaratna. (2017). *Why IS will continue to pose a threat?* Nanyang Technological University. http://www.researchgate.net/publication/332343825_Why_IS_will_continue_to_pose_a_threat_-Rohan_Gunaratna

- Safeek Affendy Razali, Faris Fuad. (2018). Suami direkrut Mohammad Wanndy Mohammad Jedi–Aisyah. *Berita Harian Online*. Muat turun 2 April 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/10/490380/suami-direkrut-mohammad-wanndy-mohammad-jedi-aisyah>.
- Shasha Havlicek. (2015). *The Islamic state's war on women and girls*. Institute for Strategic Dialogue. Kertas Kerja Committee on Foreign Affairs, United States House of Representatives.
- Stern, J, Berger, J.M. (2015). *Isis: The state of terror*. New York: Harper Collins.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2017). *Daesh, Jihad Dan Wanita: Sensasi Dan Manipulasi Atas Nama Agama*. Kertas Kerja Pembentangan bawah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia. 27 Julai 2017.
- Weimann, G. (2016). Why do terrorist migrate to social media? Dalam Aly, A., Macdonald, S. Jarvis, L. & Chen, T. (pnyt). *Violent extremism online: new perspective on terrorism and the internet*, hlm. 48. London: Routledge.
- York, R. (2015). *Know thy enemy: Islamic state of Iraq and the levant*. North Carolina: Lulu Press Inc.
- Alavifar A, Karimimalayer M, Anuar M. K. (2012). The first and second generation of multivariate techniques. *Engineering Science and Technology: An International Journal* (ESTIJ), 2(2), 326-329.
- Ball, J., Armistead, L., & Austin, B. J. (2003). The relationship between religiosity and adjustment among African-American, female, urban adolescents. *Journal of Adolescence*, 26(4), 431-446.
- Fichter, J. H. (1969). Sociological measurement of religiosity. *Review of Religious Research*, 10(3), 169-177.
- Knight, J., Sherritt, L., Harris, S. K., Holder, D. W., Kulig, J., Shrier, L. A., et al. (2007). Alcohol use and religiousness/spirituality among adolescents. *Southern Medical Journal*, 100(4), 349–355.
- McCuller, W. J., Sussman, S., Dent, C. W., & Teran, L. (2001). Concurrent prediction of drug use among high-risk youth. *Addictive Behaviors*, 26(1), 137–142.
- Venning, A. J., Elliott, J., Whitford, H., & Honnor, J. (2007). The impact of a child's chronic illness on hopeful thinking in children and patients. *Journal of Social & Clinical Psychology*, 26(6), 708–727.